

Isnin, Mac 05 2018

Ekonomi negara positif menjelang PRU-14

➔ Kerajaan raih pendapatan tinggi hasil pengukuhan ringgit, pertumbuhan eksport

Oleh Nora Mahpar
noramahpar@nstp.com.my

Persekutuan ekonomi domestik kekal positif menjelang Pilihanraya Umum Ke-14 (PRU14), selepas Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencatatkan prestasi memberangsangkan pada tahun lalu.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, pengukuhan ringgit, pertumbuhan dua angka dalam eksport dan

peningkatan harga minyak menyumbang kepada pendapatan yang lebih tinggi kepada kerajaan.

Kedua terbaik ASEAN

"Ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan 5.9 peratus KDNK, kedua terbaik di rantau ASEAN selepas Filipina yang mencatatkan 6.7 peratus.

"Berdasarkan prestasi itu, persekitaran ekonomi akan terus kukuh," katanya selepas melancarkan portal jualan dalam talian, *Click for Cover* Takaful Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, pertumbuhan ekonomi global yang diunjur berkembang 3.9 peratus tahun ini akan terus memberi impak kepada Malaysia sebagai sebuah negara ekonomi terbuka.

"Momentum positif tahun lalu menerusi aliran masuk dana asing yang kukuh dalam ekuiti Malaysia iaitu RM10.33 bilion, tertinggi sejak 2012 akan terus kekal positif tahun ini.

"Sektor eksport juga dijangka terus menyaksikan pertumbuhan yang baik

disokong oleh perkembangan ekonomi global yang bertambah kukuh," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Johari berkata, pendigitalan ekonomi mampu menjadi pemangkin kepada aspirasi negara untuk mencatatkan pendapatan RM2 trilion dalam tempoh tujuh hingga lapan tahun akan datang.

Sejajar strategi kerajaan

"Langkah Takaful Malaysia melakukan pendigitalan dalam model perniagaannya sejajar dengan strategi yang digariskan oleh kerajaan dalam menggalakkan ekonomi digital," katanya.

Mengulas mengenai prospek industri insurans dan takaful, Johari berkata, segmen itu dijangka terus positif pada tahun berikutnya sejajar pertumbuhan ekonomi negara yang mampan.

"Insurans menjadi satu keperluan dan oleh sebab itu syarikat insurans harus mengembangkan dan mempelbagaikan produk mereka pada harga yang lebih berpatutan," katanya.

Fakta
nombor

5.9 PERATUS
pertumbuhan
KDNK Malaysia

3.9 PERATUS
unjuran pertumbuhan
ekonomi global